



Rujukan: JH/126 Jld.4 (19)  
 Tarikh : 16 November 2018

**Pengarah Perhutanan Negeri:**

Johor, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu,  
 Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Pulau Pinang,  
 Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Pengarah Bahagian:**

Perancangan & Ekonomi Hutan, Pengurusan Hutan,  
 Ladang Hutan & Perlindungan Hutan, Silvikultur & Kepelbagaian Biologi Hutan  
 Forest Eco-Park & Taman Negeri, Kejuruteraan Hutan, Penguatkuasaan Hutan  
 Perundangan & Pendakwaan, Teknikal & Industri Kayu, Pengurusan Maklumat  
 Hal Ehwal Antarabangsa Dan Khidmat Pengurusan.

**Ketua Unit:**

Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam Dan Integriti Perhutanan.

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
 BILANGAN 3 TAHUN 2018 - POLISI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT  
 DATA GEOSPATIAL JPSM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sedar dan peka mengenai kepentingan perkongsian maklumat geospasial yang merupakan satu keperluan bagi melicinkan pentadbiran negara dan menambahbaik sistem penyampaian kerajaan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Bilangan 1 Tahun 2018 pada 17 Julai 2018 telah bersetuju agar Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bilangan 3 Tahun 2018: Polisi Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat Data Geospasial JPSM dikeluarkan bagi menggantikan Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2014 untuk tujuan penambahbaikan.

4. Pemakaian Pekeliling KPPSM Bilangan 3 Tahun 2018 ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

5. Semua warga JPSM adalah diarahkan mematuhi Pekeliling ini ketika berurusan berkaitan perkongsian dan penyebaran maklumat data Geospasial JPSM kepada pihak luar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD)  
 Ketua Pengarah Perhutanan  
 Semenanjung Malaysia

Pn PT,  
 ① fail  
 ② Edaran.

Fm  
**FAZILAH BT MANSOR**  
 PENGARAH BAHAGIAN  
 PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN  
 JPSM

29/11/18



s.k. YBhg. Dato' KPPSM  
YBhg. Datuk TKP (DP)  
YBhg. Dato' TKP (OT)  
PB(PM)



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 3/2018**

---

**POLISI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DATA GEOSPATIAL  
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menggantikan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2014 berhubung Polisi Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) seiring dengan perkembangan semasa.

**LATAR BELAKANG**

2. JPSM merupakan antara Agensi Pembekal Data (APD) geospasial berdasarkan Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Malaysia (MyGDI) Bil. 1 Tahun 2008. JPSM sedar bahawa perkongsian maklumat berkenaan geospasial dapat membantu melancarkan pentadbiran negara dan memantapkan sistem penyampaian kerajaan.
3. JPSM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2014 berhubung Polisi Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang merangkumi aspek pengelasan data, syarat-syarat pemberian data geospasial dan peringkat perkongsian maklumat geospasial.
4. JPSM telah menerima dan memproses permohonan maklumat geospasial daripada pelbagai pihak dan mendapati terdapat keperluan untuk menambahbaik polisi sedia ada.

**POLISI JPSM**

5. Aspek-aspek pelaksanaan polisi perkongsian dan penyebaran maklumat data geospasial JPSM seperti berikut:
  - (i) Pengelasan Data - Data Terperingkat (TERHAD);
  - (ii) Penetapan Terma Perkongsian Dan Syarat Pemberian Data Geospasial;
  - (iii) Penetapan Data Geospasial Secara Berbayar;
  - (iv) Tatacara Permohonan; dan
  - (v) Perwakilan Kuasa Oleh Ketua Pengarah.

## PENGELASAN DATA

6. Semua data geospasial JPSM dalam bentuk digital atau bercetak adalah dikelaskan sebagai **TERHAD** iaitu dokumen rasmi, maklumat rasmi, dan bahan rasmi selain daripada yang diperingkatkan Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit tetapi berkehendakkan juga diberi satu tahap perlindungan keselamatan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 bertajuk Pekeliling Arahan Keselamatan terhadap Geospasial Terperingkat kecuali dinyatakan sebaliknya.

## PENETAPAN TERMA PERKONGSIAN DAN SYARAT PEMBERIAN DATA GEOSPATIAL

7. Terma perkongsian data geospasial JPSM mengikut transaksi adalah sepertimana di **Jadual 1**.
8. Syarat-syarat pemberian data geospasial bercetak/digital JPSM adalah sepertimana di **Jadual 2**.

## PENETAPAN DATA GEOSPATIAL SECARA BERBAYAR

9. Semua data geospasial JPSM dalam bentuk digital atau bercetak adalah berbayar melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

## TATACARA PERMOHONAN

10. Semua permohonan hendaklah dilengkapi dan dikemukakan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1**. Pemohon daripada Kementerian/ Agensi Kerajaan atau Institusi Pengajian Tinggi hendaklah melalui Surat Rasmi Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha/ Ketua Penolong Setiausaha/ Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Penolong Ketua Pengarah/ Ketua Jabatan Negeri/ Timbalan Ketua Jabatan Negeri/ Dekan/ Pustakawan. Manakala permohonan daripada pihak swasta perlu melalui Pengarah/Pengurus syarikat berkenaan.
11. Permohonan yang diluluskan atau tidak diluluskan akan dimaklumkan oleh JPSM melalui surat rasmi. Pemohon yang berjaya, perlu hadir atau menghantar wakil ke Pejabat Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), JPSM untuk mendapatkan data geospasial setelah bayaran dijelaskan jika perlu. Selanjutnya, sebelum data geospasial diberikan, **Lampiran 3** hendaklah dilengkapi terlebih dahulu oleh pemohon yang berjaya/wakilnya.
12. Pemohon hendaklah mematuhi semua syarat-syarat pemberian data geospasial bercetak/digital JPSM yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 2**.
13. Tatacara proses permohonan data geospasial adalah seperti di Carta Aliran di **Lampiran 4**.

## **PERWAKILAN KUASA OLEH KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

14. Kelulusan permohonan data geospasial JPMS sama ada dalam bentuk digital atau bercetak adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). KPPSM boleh mewakili secara bertulis apa-apa kuasa yang dipertanggungjawabkan ke atasnya kepada mana-mana pegawai yang dilantik bagi tujuan kelulusan permohonan data geospasial.

## **TARIKH PEMAKAIAN PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL BERKUATKUASA**

15. Pekeliling Polisi Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Data Geospasial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini berkuatkuasa bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1 tahun 2014 adalah terbatal dengan kuatkuasanya Pekeliling ini.

**JADUAL 1 : TERMA PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL JPSM MENGIKUT TRANSAKSI**

BIL	TRANSAKSI	POLISI
1.	JPSM dengan Agensi Kerajaan	Penyerahan dokumen dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar melalui permohonan secara rasmi dari Ketua Jabatan sahaja dan tertakluk kepada kegunaan yang diluluskan.
2.	JPSM dengan dengan Agensi Bukan Kerajaan/ Swasta	Penyerahan dokumen dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan yang diluluskan.
3.	JPSM dengan Institut Pengajian Tinggi	Penyerahan dokumen dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan yang diluluskan.
4.	JPSM dengan Individu/Orang Awam	Penyerahan dokumen dalam bentuk salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan yang diluluskan.

## JADUAL 2 : SYARAT-SYARAT PEMBERIAN DATA GEOSPATIAL BERCETAK ATAU DIGITAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM)

Syarat-syarat ini adalah terpakai bagi data Geospasial JPSM yang diberikan sama ada secara berbayar ataupun secara percuma dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pemberian data geospasial bercetak atau digital dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Data geospasial bercetak atau digital tidak dibenarkan sama sekali untuk disalinkan/diberi/dijual kepada mana-mana pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.
2. Kegunaan data geospasial bercetak atau digital JPSM hendaklah terhad dan tertakluk kepada syarat dan terma kelulusan yang diberi oleh JPSM sahaja.
3. Keselamatan data geospasial bercetak atau digital JPSM hendaklah disimpan, dijaga dan dilindungi. Pemohon yang telah dibekalkan dengan data ini akan dipertanggungjawabkan sekiranya data tersebut disalin dan digunakan oleh mana-mana pihak lain tanpa memperolehi kelulusan JPSM.
4. Satu pengakuan penerimaan seperti di **Lampiran 3** (acknowledgement) hendaklah dilengkapkan dan dikembalikan kepada JPSM sebelum sebahagian atau keseluruhan data geospasial bercetak atau digital JPSM diberikan kepada pemohon.
5. Satu (1) salinan laporan hasil penggunaan data bercetak atau digital bagi projek hendaklah dikemukakan kepada JPSM dalam tempoh masa satu (1) bulan setelah projek tersebut siap dijalankan jika data diberikan secara percuma.
6. Mana-mana data berdigit geospasial JPSM yang telah ditambah nilai hendaklah diserahkan kepada JPSM sekiranya diminta/diperlukan tanpa sebarang kos dikenakan.
7. Kegagalan pemohon mematuhi mana-mana syarat di atas (kecuali perkara (5) adalah terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] serta Arahan Keselamatan dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada JPSM untuk mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap pemohon.
8. JPSM tidak akan bertanggungjawab ke atas tahap ketepatan data berdigit yang dibekalkan dan sebarang hasil analisa yang dijalankan dengan menggunakan data tersebut adalah di atas risiko pemohon itu sendiri.



## LAMPIRAN 2: KELULUSAN PERMOHONAN DATA GEOSPATIAL JPSM

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

---

### D. PERAKUAN PERMOHONAN

#### i. Ulasan / Cadangan Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat

---

---

---

Rujukan Fail : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_ Cop : \_\_\_\_\_

#### a. Kelulusan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

\* Diluluskan / Ditolak

Catitan (jika berkenaan) : \_\_\_\_\_

---

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Cop : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

---

\* Sila potong yang tidak berkenaan

### LAMPIRAN 3: AKUAN PENERIMAAN DATA GEOSPATIAL JPSM

No. Fail :

AKUAN PENERIMAAN dokumen GEOSPATIAL BERCETAK/DIGITAL\*

Adalah dimaklumkan bahawa saya \_\_\_\_\_ No.K/P:  
\_\_\_\_\_ dari (alamat rumah/organisasi)

\_\_\_\_\_ telah menerima sebanyak  
\_\_\_\_\_ salinan dokumen geospasial bercetak/berdigit\* berjudul seperti berikut:-

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- (v) \_\_\_\_\_

pada (tarikh) \_\_\_\_\_ daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan bersetuju untuk mematuhi Syarat-syarat Pemberian Dokumen Geospasial Bercetak atau Digital oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tujuan projek/kajian/penyelidikan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Saya faham bahawa saya/organisasi berhak disenarai hitam oleh JPSM atau dikenakan tindakan undang-undang sekiranya saya gagal untuk mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan di Jadual 2: Syarat-syarat Pemberian Data Geospasial Bercetak Atau Digital Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama Pemohon :

Nama Pegawai :

No. K/P :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Bahagian :

\* Potong yang tidak berkenaan.

#### LAMPIRAN 4: CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN DATA GEOSPATIAL JPSM

